

[Home](#) / [2025](#) / [May](#) / Semangat Kemanusiaan Pelajar UiTM Dengkil Lahirkan Projek Telaga di Kemboja

## SDG

05/05/2025 / FAIEZAH ABDULLAH



Dengkil, 16 April – Kelab Khidmat Masyarakat Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah melakar sejarah apabila berjaya melaksanakan satu program kemanusiaan hasil kutipan dana bagi membiayai Projek Wakaf Telaga Komuniti (*Waqf Community Water Well Project*) kepada penduduk Kampung Khleach, Wilayah Tbong Khmum di Kemboja. Projek ini merupakan projek kerjasama strategik melalui Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dan Global Ehsan Relief Cambodia (GERC) dan telah dilaksanakan pada 30 Mac 2025 bersamaan 29

Ramadan 1446H yang telah memberi kegembiraan kepada 60 buah keluarga.

Pengumpulan dana ini adalah hasil kutipan daripada program-program yang telah dianjurkan oleh Kelab Khidmat Masyarakat sepanjang tahun 2024 – 2025. Dana yang berjaya dikumpul telah diserahkan secara rasmi kepada pihak GERC yang telah di wakili oleh Ustaz Zahry Mosa, selaku Pengurus Global Ehsan Relief Cambodia.



Disamping melakukan kerja kemasyarakatan, projek ini juga secara langsung berjaya menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 6: Air Bersih dan Sanitasi, yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang membolehkan penduduk mendapatkan air bersih bagi kegunaan seharian.

Kelab Khidmat Masyarakat Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil berharap agar usaha ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak projek kemanusiaan, selaras dengan aspirasi UiTM dalam membentuk generasi mahasiswa yang cakna, prihatin dan berjiwa global.

Penulis – Faiezah Binti Abdullah, Irwan Affendi Bin Md Naim dan Zazaleena Binti Zakariah



Tags: [Kelab Khidmat Masyarakat](#), [Pusat Asasi UiTM](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

[UiTM Pahang Anjur Program Outreach Perkasa Peranan Kaunselor Sekolah](#)

[Menjelajah Dunia AI: Pelajar Celik Teknologi Menerusi Mastering AI Tools: From Theory to Practice](#)

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia  
  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

